

Samih Kukung raih dua anugerah antarabangsa

18/11/2019 5

LABUAN: Guru prasekolah di Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT) Samih Kukung merangkul dua anugerah iaitu Best Preschool of The Year Award dan Innovation in Education Award di International School Awards yang telah diadakan di Chitkara University, Rajpura Punjab India, baru-baru ini.

Program bertaraf antarabangsa itu telah di disertai lebih daripada 10 negara mem-babitkan 1,000 perwakilan, 50 penceramah dan 50 pameran.

Antara tujuan program tersebut diadakan adalah untuk mengiktiraf sekolah-sekolah dalam sumbangan amalan terbaik pendidik di samping meraikan penglibatan mereka dalam dunia pendidikan di peringkat global.

Samih, berkata melalui program itu juga boleh dijadikan sebagai medium bersama pes-erta yang lain dalam berkongsi idea dan perkongsian melalui pengurusan terbaik, in-ovasi dan sebagainya.

Menurutnya, menyertai pertandingan ini juga memberikan pengetahuan dan juga pe-nambahan perkongsian ilmu dalam mencari penyelesaian untuk menghadapi caba-ran-cabaran yang dihadapi selain memberikan ruang kepada sekolah satu platform untuk berkolaboratif dalam menjadi model pro-fesional yang positif pendekatan sekolah dalam menjadi contoh yang boleh dijadikan sumber rujukan daripada semua peserta yang hadir bersama.

"International School Awards menyedi-akan peluang yang luas untuk peserta dan sekolah berkongsi semua amalan terbaik dari semua aspek," katanya.

Sebelum ini, penglibatan dan sumbangan penyertaan Samih di peringkat antarabangsa adalah Labuan International Conference on Educational Research dan The 3rd Creativity and Innovation Exhibition & Language Teach-



ANUGERAH...Cikgu Samih memegang erat trofi International School Awards yang diraihnya di Chitkara University, Rajpura Punjab India, baru-baru ini.

ing Seminar (CAEILTS) yang membentangkan hasil gabungan inovasi Roda Minda Samih dan inovasi SAM Smart CoRe Kit dan berkongsi tentang penggunaan bahan inovasi dalam membantu peningkatan penguasaan membaca dalam kalangan murid prasekolah.

Manakala di peringkat kebangsaan pula beliau memberikan sumbangan dalam 32 bidang, membentangkan 4 inovasi dan memenangi Anugerah Guru Inovatif Kebangsaan dan juga Guru Ikon pada tahun 2016 dan 2017.

Jelasnya lagi, pertandingan itu juga telah memberikan banyak inspirasi dan idea dalam menghasilkan inovasi untuk menjadikan murid lebih berkualiti.



.KEBANGGAAN.... Samih Kukung (tiga kiri) menjadi kebanggaan SK Lubok Temiang mengabdikan kenangan bersama Haji Adam dan guru-Guru Prasekolah dan Pembantu Pengurusan MuridPPM.

Beliau juga merupakan penerima Judge's Choice Award dan Language Unit's Choice Award di 3rd International Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar CAEILTS.

Samih berkata, pertandingan itu satu pen-galaman baru buatnya kerana bersama dengan peserta-peserta di seluruh dunia berkongsi dengan pelbagai sumbangan inovasi dalam pelbagai bidang dan juga pencapaian dalam menjadikan sekolah sebagai institusi lubuk ilmu kemenjadian murid dan sebagainya.

"Saya merasa bertuah dengan adanya sokongan Guru Besar SK Lubok Temiang, Haji Adam Abdul Rahim, Penolong Kanan Pentadbiran, Cikgu Roslan Mohamad, PK HEM Cikgu Sunah Tahir dan PK KOKUM Cikgu Joe Helmy Jumat.

"Begitu juga rakan guru prasekolah SKLT Rosnah Rajak, Nurmi Anuar dan pembantu pengurusan murid Norilah Tahir, Aminah

Junir dan Rosneza Osman dalam mencipta kejayaan sehingga merangkul Best Preschool of The Year Award yang juga sentiasa mem-berikan sokongan dan kerjasama yang padu selama ini." kata Samih penuh bangga.

Selama 12 tahun mengajar, beliau telah meraih 30 anugerah di peringkat negeri, ke-bangsaan dan antarabangsa antaranya Anugerah Kecemerlangan Prasekolah.

Ketika ini Samih sedang dalam pengajian menghabiskan Ijazah Kedoktorannya di Uni-versiti Malaysia Sabah (UMS).

Sementara itu, Guru Besar SK Lubok Temiang, Haji Adam merakamkan ucapan tahniah kepada Cikgu Samih kerana terus menerima anugerah di peringkat antara-bangsa sekaligus telah mengharumkan nama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dan SK Lubok Temiang serta Pra Sekolah SK Lubok Temiang khususnya.-OLEH JAINUDIN DJIMIN